

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERHIMPUNAN HARI BELIA NEGARA

TEMPAT: STADIUM NEGARA KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 MAY 1982

MASA:

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wataala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di majlis yang permai pada pagi ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk Mokhtar Hashim, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kerana telah sudi menjemput saya dan isteri saya menghadiri Perhimpunan Hari dan Minggu Belia Negara pada pagi ini dan di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk berucap sepatah-dua kata sempena Hari dan Minggu Belia Negara dan seterusnya untuk melancarkan Yayasan Belia Malaysia.

3. Saya difahamkan di dalam perhimpunan Hari dan Minggu Belia pada tahun ini, kita disertai oleh tetamu-tetamu khas yang datang dari negara-negara ASEAN, Korea Selatan dan Negara-negara Komanwel. Kepada tetamu-tetamu khas dari luar negeri ini, saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran mereka dan mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana dapat bersama-sama meraikan Majlis kita ini. adalah sebagai penentu masa depan sesuatu masyarakat dan negara. Pentingnya belia bukan sahaja terletak kepada bilangan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam masyarakat, tetapi juga dari segi peranan sebagai penyambung antara satu generasi dengan satu generasi.

5. Malaysia, sebagai sebuah negara berbilang kaum yang masih di dalam proses pembangunan dan sedang menghadapi cabaran ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu, sangat-sangat bergantung kepada golongan belia yang aktif, berdisiplin dan progresif.

6. Sebagai satu bangsa kita mewarisi satu sejarah yang penting. Zaman penjajahan menjadi pengalaman yang tidak dapat kita lupakan. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan segala usaha kita untuk membina negara Malaysia moden memaksa kita melalui berbagai liku-liku sejarah dan membawa kita berhadapan dengan berbagai cabaran. Kita tidak harus lupa dengan semua ini. Kita tidak harus lupa dengan hakikat bahawa asas negara Malaysia yang merdeka adalah penerimaan unsur-unsur keperibadian masyarakat pribumi dengan mengambil kira hakikat wujudnya nilai-nilai kaum-kaum lain yang berada di Malaysia. Semasa kita mencapai kemerdekaan kita telah mencapai persetujuan antara kaum dalam banyak hal dan persetujuan itu dicapai kerana kita pentingkan masa depan yang bahagia. Oleh itu, walaupun masa berlalu, dan generasi

yang baru akan meninggal sejarah yang telah kita lalui jauh ke belakang, mereka tidak harus lupa tentang asas-asas dan perjanjian-perjanjian yang telah dicapai oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita.

7. Kaum belia sebagai penghubung antara generasi harus membawa bersama mereka sejarah bangsa Malaysia moden ini supaya, walau dalam apa jua keadaan sekalipun, mereka yang datang kemudian daripada kita akan sentiasa menghormati asas-asas dan persetujuan-persetujuan yang telah kita capai semasa kita memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

8. Saya menyentuh soal sejarah kerana sesuatu generasi, khususnya generasi muda, yang lupa pada sejarah mungkin akan hilang pertimbangan dan panduan dan mungkin akan bertindak berpandukan desakan dan emosi yang akibatnya akan merugikan. Sejarah menunjukkan kepada kita bagaimana kaum belia dapat mengubah sesuatu masyarakat dan masa depan sesuatu negara. Tidak semestinya semua perubahan ini untuk kebaikan. Sama ada kebaikan akan menyusul atau tidak bergantung bukan semata-mata kepada niat tetapi juga kepada cara perubahan itu diusahakan. Ada belia yang bertindak melalui ugutan dan kekerasan dan ada yang menyusun langkah dengan tertib dan terancang untuk mencapai matlamat perjuangan mereka. Ugutan dan kekerasan akan membuahkan ugutan dan kekerasan yang silih berganti dan berlarutan. Tidak sesiapa pun yang akan berjaya secara berkekalan. Pemerintahan yang diasaskan kepada ugutan dan kekerasan tidak akan dapat memerintah melainkan dengan cengkaman kuku besi. Dan pemerintahan jenis ini akan membawa kepada tentangan, ugutan dan kekerasan. Sebaliknya pemerintahan yang diasaskan kepada proses undang-undang dan keadilan akan membawa ketenteraman dan kejayaan. Oleh itu semua pihak hendaklah menghormati dan berpegang kepada aturan-peraturan yang telah dibuat. Jenerasi yang muda juga terikat dengan aturan-peraturan ini walaupun mereka tidak terlibat dengan proses menggubal aturan-peraturan ini.

9. Hari dan Minggu Belia Negara tahun ini dengan temanya "BELIA BERDISIPLIN NEGARA PROGRESIF" mempunyai kaitan dengan apa yang telah saya sentuh itu. Negara kita yang menghadapi berbagai-bagai cabaran memerlukan kaum belia yang penuh disiplin kerana dengan belia yang berdisiplinlah akan lahir masyarakat dan bangsa yang berdisiplin. Kita perlukan masyarakat yang berdisiplin bukan kerana kita mahu bermegah-megah dengan disiplin atau kita mahu hapuskan daya pemikiran yang tersendiri tetapi kerana disiplin boleh membawa kebaikan, ketenteraman dan kemakmuran kepada negara. Tanpa disiplin huru-hara akan berlaku dan tidak ada negara yang boleh maju dan berjaya jika huru-hara melandanya sepanjang masa.

wujud di dalam masyarakat dan negara; tanggungjawab untuk menentukan yang kita sentiasa memberi kepentingan kepada apa-apa jua yang baik untuk masyarakat dan negara; tanggungjawab untuk sama-sama menjamin keselamatan, keterlaluan yang menghancurkan segala-gala yang telah dibina

dan diwarisi sejak berkurun-kurun. Tanpa masyarakat yang berdisiplin, atau yang menghormati disiplin, pemerintahan yang berkesan dan berfaedah tidak akan wujud. Tidak ada pemerintahan yang boleh mengurangkan jenayah, rusuhan, kerosakan akhlak dan lain-lain melainkan masyarakat sendiri menyertai dan merestui tindakan pemerintah. Rakyat yang tidak berdisiplin sudah tentu tidak akan menyertai dan mengizinkan tindakan pemerintah. Akan menjadi sia-sia sahajalah perbelanjaan dan tindakan mengadakan pemerintahan jika pemerintahan tidak berkesan. Nyatalah bahawa disiplin adalah penting bagi masyarakat dan negara. Oleh kerana belia juga adalah anggota masyarakat maka disiplin belia sebenarnya adalah untuk kebaikan dan kejayaan diri sendiri.

11. Baru-baru ini kita telah menekankan soal daya pengeluaran atau "productivity". Daya pengeluaran bermakna keupayaan membuat apa juga dengan cekap, cepat, baik dan murah. Tidak syak lagi keupayaan ini akan dapat menjadikan masyarakat dan negara kita lebih maju dan sejahtera. Bukan

12. Disiplin mempunyai kaitan yang amat rapat dengan daya pengeluaran. Lebih tertib dan teratur cara-cara bekerja lebih baik dan bertambahlah hasil kerja. Oleh itu sekali lagi kita dapat melihat pentingnya disiplin dan perlunya ia diamalkan oleh belia kita. Mungkin ada kumpulan yang akan berkata bahawa jika kita berdisiplin, kita akan menjadi suka kita berjaya dan bersaing dengan mereka. Mereka mahu kita kekal sebagai hamba mereka. Dan sesiapa di antara kita yang menyambut seruan supaya kita tidak berdisiplin dan sebaliknya mengikut dakyah orang asing ini adalah alat penjajah fikiran atau "the tools of the thought imperialist" yang menyusul "territorial imperialist" yang kita tentang dan singkir dahulu.

13. Negara Malaysia sekarang pesat membangun. Pembangunan juga bukan untuk bermegah-megah. Tujuan pembangunan kita ialah untuk kebaikan dan untuk memelihara maruah dan keselamatan kita. Selagi kita tidak mempunyai kebolehan dan kemampuan membangun negara sendiri, selama itulah kita akan ditindas dan dihina secara langsung atau tidak langsung. Untuk pembangunan kita memerlukan tenaga, terutamanya tenaga belia. Kecekapan dan kemahiran boleh kita perolehi melalui latihan dan pengalaman. Kerajaan sanggup mengadakan segala kemudahan latihan sesuai dengan kelayakan dan keperluan masing-masing. Tetapi yang penting sekali ialah kesanggupan belia memikul tanggungjawab dengan bekerja keras bagi mempertahankan maruah negara.

14. Kita dapati sekarang terlalu ramai belia yang terlalu memilih kerja. Sebenarnya jika terdapat sikap sanggup bekerja tidak ada seorang pun yang akan menganggur di Malaysia. Tetapi kerana terlalu memilih, baik dari segi jenis kerja ataupun tempat kerja, pengangguran sentiasa mengiringi kita. Keadaan seperti ini hanya mengakibatkan pembangunan Malaysia tergendala dan maruah kita terancam.

15. Belia hendaklah menganuti falsafah hidup yang tidak

mengutamakan kepentingan diri semata-mata. Kepentingan negara hendaklah diambilkira bersama. Kepentingan negara akhirnya akan membawa kebaikan yang lebih kekal kepada diri sendiri. Mereka yang mengutamakan kepentingan diri akan merasai nikmat cuma sedikit dan sekejap sahaja. Sebaliknya jika negara sudah maju nikmat yang lebih akan dirasai dengan cara yang lebih kekal. Oleh itu sambutlah panggilan negara dan bersama-sama berusaha bagi membina bangsa dan negara yang dihormati oleh dunia. Ingatlah bahawa yang akan mewarisi negara yang bermaruah ini ialah belia sendiri.

16. Bagi Kerajaan matlamat telah pun ditentukan dan segala jentera akan digunakan untuk menjadikan Malaysia negara yang dihormati dan disegani oleh dunia. Di samping itu kesejahteraan hidup rakyat Malaysia tidak akan diabaikan. Bersih, cekap dan amanah adalah cogan-kata kita dan dianya tidak akan dibiarkan sebagai cogan-kata sahaja. Rakyat telah merestui matlamat Kerajaan dan rakyat telah memberi mandat kepadanya. Sekarang bukan lagi masa untuk berhujah tetapi sekarang ialah masa melaksanakan janji. Belia juga terlibat dengan pencapaian matlamat yang telah ditentukan. Belia berada di mana-mana sahaja. Mereka berada dalam Kerajaan dan di luar Kerajaan, di institusi-institusi pelajaran, di kilang-kilang dan di ladang-ladang. Kemajuan tidak dapat dipisahkan dari belia; tidak ada yang dinikmati oleh masyarakat dan negara yang tidak akan dikecap oleh belia. Tiap tindakan dan usaha yang dilakukan oleh belia akan membawa kesan dan akibat kepada belia. Baik yang dilakukan baiklah kesannya dan buruk yang dilakukan akan membawa keburukan kepada belia. Peranan belia tentulah jelas dalam Malaysia yang membangun ini. Berusahalah dengan bersih, cekap dan amanah tanpa melupakan nilai-nilai rohaniah yang bersama dengan kemajuan material akan membawa kebahagiaan hidup bagi kita semua.

17. Saya difahamkan, suatu kerjasama di dalam bidang ekonomi belia telah pun dicapai baharu-baharu ini di antara Koperasi Belia Nasional (KOBENA) dengan Koperasi Pemuda Indonesia (KOPINDO). Saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua badan koperasi ini kerana kejayaannya memulakan kerjasama di dalam bidang ekonomi. Saya berharap semoga kerjasama seperti ini akan juga dapat dibuat dengan negara-negara ASEAN yang lain.

18. Pada hari ini juga Yayasan Belia Malaysia akan dilancarkan. Pelancaran Yayasan ini membawa erti bahawa kemajuan pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini maju setapak lagi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan lain-lain pihak yang terlibat kerana telah berjaya menubuhkan Yayasan ini. Saya percaya Yayasan ini dapat membantu pertubuhan-pertubuhan belia menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan lebih bermakna, sama ada di peringkat nasional, mahupun di peringkat antarabangsa. Saya menyeru kepada setiap pihak yang berkeupayaan supaya menghulurkan sumbangan kewangan kepada tabung Yayasan ini. Kepada pihak yang telah bermurah hati menyumbangkan kepada tabung Yayasan ini, saya mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

19. Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan Yayasan Belia Malaysia dan merasmikan Hari dan Minggu Belia Negara 1982.